

NO. SOALAN: 371

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

RUJUKAN : 10426

SOALAN:

**Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta
MENTERI DALAM NEGERI menyatakan langkah bagi mengatasi aktiviti
penyalahgunaan dadah yang semakin berleluasa di kawasan Projek
Perumahan Rakyat (PPR).**

186

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Sebanyak 119 buah Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah dikenal pasti berada dalam kawasan berisiko berdasarkan maklumat profiling kawasan melalui kaedah *Geographic Information System (GIS)*. Daripada jumlah tersebut, 51 buah PPR berada di kawasan berisiko tinggi.

Program pencegahan yang telah dilancarkan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di 51 PPR berisiko tinggi adalah seperti berikut:

- (i) 51 program *Community Empowerment*;
- (ii) 115 program *Omnipresence*;
- (iii) 50 Ops Cegah melibatkan lawatan dari rumah ke rumah;
- (iv) 15 Ops Bersepadu melibatkan AADK, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan Sukarelawan (RELA);
- (v) melantik 8 orang ikon antidadah sebagai duta AADK bagi menggerakkan kempen kesedaran pencegahan dadah; dan
- (vi) program rawatan dan pemulihan melalui kaedah *out-reach* untuk mendekati dan mengesan penagih dadah yang berada dalam pengawasan dan seterusnya melibatkan mereka dalam program-program susulan yang bersesuaian.

SOALAN (372)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL
AZIZ
[PASIR MAS]

SOALAN :-

YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tindakan yang dilaksanakan bagi mengekang kenaikan terlalu tinggi harga rumah dan dasar yang diperkenalkan khususnya dalam Dasar Perumahan Negara untuk fasa berikutnya bagi tujuan tersebut

Jawapan :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan teras-teras yang digariskan dalam Dasar Perumahan Negara, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan dalam mengekang kenaikan harga rumah di pasaran iaitu:-

- 1) Meningkatkan penawaran Rumah Mampu Milik (RMM) di pasaran melalui pelaksanaan Program 1 juta RMM mulai 2013 sehingga 2018 dengan kerjasama pelbagai agensi Kerajaan Persekutan, Kerajaan Negeri dan pihak swasta.
- 2) Langkah *Cooling Measures* bagi mengekang kenaikan harga rumah melalui:
 - (i) Menaikkan kadar Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) mulai Januari 2014;

- (ii) Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM 1 juta seunit;
- (iii) Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- (iv) Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- (v) Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat;
- (vi) Mengeluarkan panduan mengenai *Loan To Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri;

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Oktober 2017